

PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Pejabat Kewangan Negeri,
Tingkat 5, Blok D, Wisma Negeri,
70503 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.



Telefon : 06 - 7624686 (Talian Terus)
06 - 7659961
06 - 7659962
No. Faks: 06 - 7636352
06 - 7671702

Fail Kami : P.Kw.N./N.S. (349) 747/1 Klt.23 (72)
Tarikh : 20 Safar 1442H
8 Oktober 2020

**YB DR./ YBHG DATO'/ TUAN/ PUAN
KETUA-KETUA JABATAN NEGERI**

**DATUK BANDAR/ YANG DIPERTUA
PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
BADAN-BADAN BERKANUN**

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

YB Dr. / YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**MAKLUMAN SYARIKAT YANG DISENARAI HITAM BERDASARKAN LAPORAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)
NEGERI SEMBILAN**

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YB Dr./ YBhg. Datuk/ Tuan/
Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dr./ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan, Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Negeri Sembilan telah melaksanakan
Semakan Pematuhan Kontraktor (Contractor Compliance Assurance – CCA)
dan mendapati bahawa terdapat dua (2) buah syarikat yang telah **memalsukan
dokumen akademik** bagi membolehkan permohonan pendaftaran baharu gred G1
diluluskan. Pihak CIDB turut memaklumkan bahawa **tindakan tatatertib akan
diambil terhadap syarikat berkenaan serta penarikan balik perakuan
pendaftaran CIDB boleh diambil.**

3. Sehubungan dengan itu, Pentadbiran ini telah **menyenarai hitam** syarikat
seperti berikut selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan PK1.1 - Punca Kuasa,
Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan.**

| Bil. | Nama Syarikat | Alamat | Kesalahan |
|------|-----------------------|--------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1. | Eezzatzahar Trading | No.46, Lorong Dak 2/3 D'Ambang Kota Lukut 71010 Port Dickson | Mengemukakan dokumen palsu iaitu <i>Diploma in Mechanical Engineering</i> di mana dokumen tersebut digunakan bagi memenuhi syarat kelayakan teknikal bagi membolehkan permohonan pendaftaran baharu gred G1 diluluskan. |
| 2. | Fara Haniey Resources | No.31, Lorong Dak 2/3 D'Ambang Kota Lukut 71010 Port Dickson | Mengemukakan dokumen palsu iaitu <i>Diploma of Engineering Technology in Mechanical</i> di mana dokumen tersebut digunakan bagi memenuhi syarat kelayakan teknikal bagi membolehkan permohonan pendaftaran baharu gred G1 diluluskan. |

4. Seperti yang pihak YB Dr./ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan sedia maklum, Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri, Negeri Sembilan **sentiasa memandangkan serius terhadap isu integriti** dalam memastikan semua Pekeliling Perbendaharaan / Arahan Perbendaharaan / Pekeliling Pejabat Kewangan Negeri dipatuhi sepenuhnya.

5. Perhatian dan kerjasama YB Dr./ YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"BERSIH. MUFAKAT. SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' HAJI MOHD KHIDIR BIN MAJID)